

Pupuk dekatkan siswa, komuniti luar bandar

DE 9.11.2013 7

KOTA KINABALU: Sejak dengan falsafah pendidikan negara ke arah melahirkan masyarakat, khususnya siswa-siswi yang bukan sahaja berilmu pengetahuan, malah mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga dan masyarakat, Program Perkongsian Universiti-Keluarga (PUPUK) telah diperkenalkan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula tahun 2006 bagi menyahut hasrat tersebut.

Melalui program ini, pelajar diwajibkan untuk menerima sebuah keluarga angkat dan sentiasa memantau perkembangan keluarga angkat mereka sepanjang tempoh 5 tahun pengajian.

Daerah Kudat yang terletak kira-kira 190 kilometer di utara Kota Kinabalu menjadi kawasan para pelajar perubatan UMS menabur bakti kepada komuniti sekitarnya.

Dengan kepadatan penduduk dianggarkan mencecah 80,000 orang, kawasan perkampungan sekitarnya yang didiami majoriti suku kaum Rungus, Kadazan dan Dusun bukan sahaja dijadikan tempat pelaksanaan program Pupuk, malah turut dijalankan beberapa kajian penyelidikan berkaitan gaya hidup, amalan, tahap kesihatan dan risiko wabak atau penyakit di persekitaran komuniti tersebut.

Sehingga kini, sejumlah 467 orang pelajar perubatan dengan lebih 200 buah keluarga angkat dari 37 buah kampung di sekitar Kudat telah terlibat dalam program ini.

Pemilihan keluarga angkat pula dipilih oleh ketua masyarakat kawasan tersebut dengan keluarga yang dikategorikan sebagai keluarga miskin atau tahap ekonomi rendah lebih diutamakan. Pelajar kemudiannya harus mendapatkan kebenaran daripada ketua keluarga yang dipilih terlebih dahulu sebelum satu perjanjian ditandatangani antara pelajar, penyelia program, ketua keluarga angkat dan ketua masyarakat bagi menandakan keterlibatan mereka dalam menjayakan program Pupuk ini.

Sepanjang 5 tahun penglibatan pelajar dalam program Pupuk ini, mereka dikehendaki meluangkan masa antara 3 hingga 5 hari dan sekurang-kurangnya 3 kali setahun bersama keluarga angkat mereka. Pelajar harus memahami peranan yang dimainkan oleh setiap ahli keluarga melalui interaksi bersama keluarga angkat masing-masing. Dengan yang demikian, pelajar akan mendapat gambaran tentang kehidupan sosial, budaya, ekonomi dan kepercayaan agama yang subur dalam kangan keluarga angkat dan seterusnya memudahkan mereka untuk membuat kajian dan mencari masalah atau penyelesaian terhadap amalan gaya hidup yang lebih baik bagi keluarga tersebut.



Terpancar riak wajah gembira isteri Osubing dengan kehadiran pelajar perubatan UMS ke rumahnya.

Melihat kepada impak yang besar menerusi program Pupuk terhadap masyarakat pedalaman, sebuah Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD) yang ditempatkan di Sikuati, Kudat telah dibina dan dirasmikan pada 18 Januari 2009 oleh Menteri Pengajian Tinggi pada masa itu, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

PPPD menjadi sebuah prasarana berorientasikan penyelidikan di samping sebagai pusat khidmat masyarakat di luar bandar. Pusat ini menjadi pemangkin kepada pelaksanaan program Pupuk dengan lebih berkesan, selain segala penyelidikan dan operasi program berpusat di sini. Justeru, setiap ahli keluarga angkat yang terlibat dalam Pupuk diberi keistimewaan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan rawatan secara percuma di pusat ini.

Seorang peserta program Pupuk, Zakiah Osubing, 31, dari Kg. Kandawayon melahirkan rasa bersyukur dengan penglibatan keluarga mereka dalam program ini, memandangkan keadaan keluarga mereka yang serba kekurangan tidak memungkinkan mereka untuk menjalani pemeriksaan kesihatan selalu. Katanya, mereka mungkin tidak akan tahu tentang konsep amalan hidup sihat yang harus diperlakukan jika bukan kerana anak angkat mereka yang memberi mereka pendedahan tersebut.

"Anak angkat kami sangat baik. Apabila terdapat masa terluang dari jadual kuliah, dia akan datang ke sini, bertanyakan tentang khabar serta membuat pemeriksaan kesihatan terhadap kami. Dia akan menasihatkan kami tentang pemakanan yang sihat dan sangat mengambil berat tahap kesihatan kami."

"Kadangkala, dia akan membawa ayah saya ke PPPD di Sikuati untuk menjalani pemeriksaan kesihatan. Ayah saya, Osubing Malanan merupakan penghidap penyakit Parkinson sejak 10 tahun lalu dan memerlukan penjagaan yang rapi," katanya.

Pelajar Perubatan Tahun Tiga, Chin Ket Ming yang merupakan anak angkat kepada keluarga Osubing berkata, beliau sangat seronok ditempatkan bersama keluarga angkatnya. Baginya, latar belakang dan kepercayaan agama yang berbeza tidak membataskan hubungan dan interaksi sesama mereka.

"Saya seronok berada di sini bersama mereka. Mereka bukan sahaja memberikan kerjasama yang baik, malah turut membawa saya berjalan-jalan di sekitar Kudat, termasuk di pantai. Kemesraan ini meningkatkan semangat saya untuk berbakti kepada mereka. Segala teori yang saya pelajari di kelas akan saya aplikasikan di sini bagi membantu mereka," jelasnya.

Seorang lagi penduduk Kg. Kandawayon, Jinis Asan, 52, berkata, beliau sangat senang dengan layanan mesra yang diberikan oleh anak angkatnya.

Ujarnya, beliau sangat menyokong usaha UMS dalam melaksanakan program Pupuk yang banyak membantu kehidupan beliau sekeluarga.

"Apabila anak angkat saya, Looi Kah Mun datang sini, dia akan bertanyakan tentang perkembangan kesihatan saya. Saya mempunyai masalah gout dan perlu pergi ke hospital untuk membuat pemeriksaan secara berkala. Dia akan memberi nasihat kepada saya tentang cara pemakanan yang perlu diambil bagi mengurangkan masalah yang saya hadapi."

"Terima kasih kepada pihak UMS, terutama rombongan pelajar dan kakitangan perubatan yang sering melawat kami dan bertanyakan tentang keadaan kami serta membuat penyelidikan tentang keadaan kesihatan di kampung ini," katanya yang turut berdoa agar anak angkatnya serta para pelajar perubatan yang terlibat dalam program ini mencapai kejayaan pada pelajaran mereka dan kemudiannya menggunakan kemahiran dan pengalaman mereka untuk berbakti kepada masyarakat.